



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 APRIL 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA DAPAT KELULUSAN EKSPORT KELAPA KE CHINA, NASIONAL, SINAR HARIAN-5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	MALAYSIA DAPAT KELULUSAN RASMI EKSPORT KELAPA SEGAR, NEGARA, KOSMO-7	
3.	HARGA BENIH PADI TIDAK MEMBEBAHKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-4	
4.	TERIMA DAHULU HARGA BAHARU BENIH PADI SAH, NASIONAL, SINAR HARIAN- 11	
5.	HARGA BENIH PADI DISEMAK PASTIKAN KADAR MUNASABAH, NASIONAL, BERITA HARIAN-9	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI (BPIP)
6.	MAJLIS AIDILFITRI LPP PERAK DISAMBUT MERIAH, UTUSAN, SINAR HARIAN-18	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	JANGAN TERTIPU JUALAN HARUMANIS THAILAND, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-28	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	PENURUNAN HARGA TIDAK KURANGKAN BEBAN KOS, NASIONAL, SINAR HARIAN-11	LAIN-LAIN
9.	PENYELARASAN HARGA BENIH PADI JADI KHBAR GEMBIRA, NASIONAL, SINAR HARIAN-11	
10.	HARGA BAHARU LEBIH UNTUNGAN PENGILANG, NASIONAL, SINAR HARIAN-11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Malaysia dapat kelulusan eksport kelapa ke China

PUTRAJAYA - Malaysia secara rasmi mendapat kelulusan mengeksport buah kelapa segar ke pasaran China menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara pada Rabu, sempena lawatan negara selama tiga hari Presiden China, Xi Jinping ke negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan pada Khamis berkata, kelulusan itu adalah hasil usaha gigih dan rundingan berterusan antara Malaysia dan China demi memperkukuh hubungan perdagangan yang sekian lama terjalin.

"Semalam (Rabu) menjadi detik bersejarah bagi sektor pertanian negara apabila berlangsungnya sesi pertukaran MoU antara Malaysia dan China, menerusi Protokol Keperluan Fitosanitari antara Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China (GACC) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

“

Kelulusan itu adalah hasil usaha gigih dan rundingan berterusan antara Malaysia dan China demi memperkukuh hubungan perdagangan yang sekian lama terjalin.”

- Mohamad Sabu

bagi Eksport Buah Kelapa Segar dari Malaysia ke China,” katanya.

Menurut Mohamad, pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Kelapa Segar dari Malaysia ke China antara KPKM dan GACC adalah penting bagi memastikan kebolehpasaran dan daya saing kelapa segar tempatan di pasaran China.

“Ia juga dapat mengukuhkan industri kelapa tempatan dengan menggalakkan amalan pertanian yang baik dan sistematik dalam kalangan pengusaha kelapa tempatan serta membuktikan komitmen kerajaan bagi memperkukuh keterjaminan makanan dan meningkatkan hasil eksport pertanian negara,” katanya.

Justeru, Mohamad berkata, kerajaan akan terus memastikan hasil pertanian tempatan mendapat tempat di pasaran antarabangsa, sekali gus memastikan rakyat dapat menjana pendapatan yang tinggi serta mengukuhkan ekonomi negara.

Pada Rabu, media melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Xi Jinping menyaksikan pertukaran 31 MoU dan dokumen yang meliputi pelbagai sektor kerjasama antara kedua-dua negara.

Antara yang menjadi tumpuan ialah MoU antara kerajaan Malaysia dan Agensi Berita Xinhua dari China dalam bidang berita dan maklumat.

- Bernama

Malaysia dapat kelulusan rasmi eksport kelapa segar

PETALING JAYA – Malaysia secara rasmi mendapat kelulusan untuk mengeksport kelapa segar ke pasaran China selepas pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia dan China kelmarin.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MoU itu dalam Protokol Keperluan Fitosanitari antara Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China (GACC) dan kementerian berkenaan bagi pengeksportan kelapa segar dari Malaysia ke Negara Tembok Besar itu.

"Ini merupakan hasil usaha gigih dan rundingan berterusan antara kedua-dua negara demi memperkukuh hubungan perdagangan yang telah lama terjalin," katanya dalam satu hantaran di Facebook semalam.

Mohamad berkata, pemet-

raian Protokol Keperluan Fitosanitari pengeksporian kelapa segar dari Malaysia ke China penting bagi memastikan kebolehpasaran dan daya saing kelapa segar di pasaran negara berkenaan.

Menurut beliau, ia mengukuhkan industri kelapa tempatan dengan menggalakkan amalan pertanian yang baik dan sistematik dalam kalangan pengusaha sedia ada.

"Selain itu, ia membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkuat keterjaminan makanan serta meningkatkan hasil ekspor pertanian negara.

"Kerajaan akan terus memastikan hasil pertanian tempatan mendapat tempat di pasaran antarabangsa, sekali gus menjana pendapatan lebih tinggi kepada rakyat dan mengukuhkan ekonomi negara," katanya.



MOHAMAD (kanan) pada majlis pertukaran MoU bagi pengeksportan kelapa segar dari Malaysia ke China di Putrajaya kelmarin.

[illegible]

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Harga benih padi tidak membebankan

TAPAH: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meminta pesawah menerima penurunan harga benih padi sah (BPS) sebanyak RM2 sehingga semakan dibuat terhadap kadar baharu tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, semakan harga benih padi itu akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia berada pada paras yang tidak membebankan pesawah.

Katanya, beliau mengambil maklum keluhan pesawah dan langkah sewajarnya akan diambil dalam menangani kebimbangan golongan itu terhadap harga benih padi.

"Buat masa ini (harga BPS) diturunkan sebanyak RM2, namun harga itu akan dilihat dari semasa ke semasa. Buat masa sekarang, saya harap para petani terima dulu penurunan sebanyak RM2 ini.

"Di pihak kementerian, kami sentiasa peka terhadap apa-apa tuntutan yang dianggap munasabah oleh para petani," katanya ke-



MOHAMAD Sabu (kiri) menyantuni anak yatim pada Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Perak di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tapah, Perak, semalam.

tika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Perak di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tapah di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, keputusan KPKM menurunkan harga BPS sebanyak RM2 disifatkan mengecewakan golongan pesawah kerana didakwa tidak memberi kesan

signifikan kepada mereka.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob, penurunan harga itu terlalu kecil berbanding peningkatan mendadak yang berlaku sebelum ini.

Sementara itu, mengulas mengenai harga santan yang belum menunjukkan penurunan, Mohamad berkata, harga bahan mentah tersebut dalam pasaran dijangka stabil tidak lama lagi.

"Harga santan secara umumnya ada sedikit penurunan menjelang hari raya tetapi tidak turun seperti yang diharapkan. Jadi, langkah awal yang diambil adalah dengan membawa kelapa dari Sabah ke dalam pasaran.

"Sekarang pun sudah lebih sejuta biji kelapa dibawa dan akan ditambah dari semasa ke semasa. Harga santan ini akan kembali normal cuma musim perayaan di Malaysia (disambut) sebulan, jadi selepas bulan ini akan kembali normal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

'Terima dahulu harga baharu benih padi sah'

Kementerian akan semak harga dari masa ke masa, pastikan kadar munasabah

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
TAPAH

Kerajaan berharap petani dapat menerima penetapan harga kawalan maksimum benih padi sah (BPS) yang telah diselaraskan kepada RM52 di peringkat pemborong dan RM56 bagi runcit per kampit 20 kilogram (kg), berkuat kuasa Selasa lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya sedia maklum terhadap keluhan petani susulan penurunan harga sebanyak RM2 itu.

Jelas beliau, kerajaan akan melakukan semakan harga bagi me-

mastikan ia pada kadar munasabah.

"Harga telah diturunkan RM2 buat masa ini. Bagaimanapun, ia akan dilihat dari masa ke masa dan diharapkan para petani menerima dahulu penurunan harga itu.

"Di pihak kementerian, kita sentiasa peka terhadap apa-apa sahaja tuntutan yang dianggap munasabah oleh para petani.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk orang ramai khususnya pengusaha-pengusaha yang mana sekiranya mereka tidak memberi kerjasama, maka tidak akan berlaku kestabilan harga (barang keperluan) menjelang raya yang lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di Majlis Ramah Mesra bersama Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Perak di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan Tapah, di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar, dan Ketua



MOHAMAD

Pengarah LPP, Amir Matamin.

Media pada Selasa melaporkan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) kecewa terhadap keputusan KPKM yang hanya menurunkan harga BPS sebanyak RM2 sekampit.

Penurunan kecil itu dianggap tidak memberi sebarang impak besar terhadap kos keseluruh-

an yang ditanggung pesawah, terutamanya dalam situasi di mana harga padi merosot dengan ketara.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, harga santan di pasaran dijangka kembali stabil tidak lama lagi.

"Harga santan secara umumnya menjelang raya turun sedikit dan langkah-langkah awal telah diambil untuk membawa kelapa dari Sabah untuk ke pasaran.

"Sekarang ini, sudah lebih sejuta biji dibawa dan akan ditambah lagi dari masa ke masa. Cuma musim perayaan negara ini (disambut) sebulan jadi, habis bulan ini ia akan kembali normal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Harga benih padi disemak pastikan kadar munasabah

Semakan dari semasa ke semasa elak bebaskan pesawah

Tapah: Kerajaan akan menyemak harga benih padi sah (BPS) dari semasa ke semasa bagi memastikan ia berada pada kadar munasabah dan tidak membebaskan pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kementeriaannya sentiasa cakna dengan tuntutan komuniti yang terlibat dengan sektor keterjaminan makanan negara.

"Memang buat masa ini diturunkan RM2 (benih padi), saya harap petani kena terima dulu, saya juga harap semua pihak boleh bekerjasama kerana kalau mereka tidak bekerjasama kita tidak akan dapat mewujudkan kestabilan harga membabitkan barang-barang keperluan," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi



Mohamad menyampaikan duit raya pada Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri di Tapah, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

LPP, Datuk Mahfuz Omar.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada Isnin memaklumkan harga kawalan maksimum BPS di bawah Insentif Benih Padi Sah diselaraskan kepada RM52 di peringkat borong dan RM56 bagi runcit per kampak 20 kilogram (kg) di Semenanjung Malaysia berkuat kuasa 15 April.

Media melaporkan gesaan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) agar kadar itu dikaji semula memandangkan penurunan sebanyak RM2 sekampit tidak memberi impak besar terhadap kos keseluruhan pesawah.

Harga santan dijangka stabil
Sementara itu, Mohamad berkata,

harga santan kelapa yang secara umumnya mengalami sedikit penurunan pada Aidilfitri lalu dijangka stabil dalam tempoh sebulan lagi.

"Kita telah ambil (import) kelapa dari luar lebih sejuta biji dan akan ditambah dari semasa ke semasa, cuma ini musim perayaan selepas ini ia akan kembali stabil (turun)."
BERNAMA/

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	SINAR HARIAN	UTUSAN	18

Majlis Aidilfitri LPP Perak disambut meriah



Mohamad (tengah) bergambar bersama Mahfuz (tiga dari kanan) dan warga kerja LPP dalam majlis ramah mesra Aidilfitri di pekarangan PPK Tapah, pada Khamis.

TAPAH - Majlis ramah mesra Hari Raya Aidilfitri Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Perak berlangsung meriah dengan kehadiran hampir 1,000 tetamu di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tapah di sini, pada Khamis.

Kehadiran Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menambah kemeriahan

sambutan Aidilfitri itu selain mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga kerja LPP.

Mohamad berkata, jamuan hari raya itu mendapat sambutan baik terutama daripada agensi dan masyarakat setempat di daerah Batang Padang.

"Jamuan anjuran PPK Tapah ini mendapat sambutan baik terutama kehadiran anak-anak yatim yang mana kita



Mohamad (tiga dari kiri) menyantuni kanak-kanak dari Madrasah Tarbiyah Islamiyah dalam majlis ramah mesra Aidilfitri LPP Perak.

memberi sedikit sumbangan kepada mereka dalam meraikan bulan Syawal ini," katanya ringkas ketika ditemui.

Hadir sama, Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar; Ketua Pengarah LPP, Amir Matamin; Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim dan Pengarah LPP Perak, Dzulfadli Johan.

Pelbagai juadah disajikan antaranya

kelamai yang merupakan makanan tradisi popular masyarakat keturunan Rao, leman, ketupat, rendang, nasi impit, nasi tomato dan kambing golek.

Pada majlis tersebut, Mohamad turut menyantuni dan menyampaikan sumbangan serta wang raya kepada 35 orang kanak-kanak daripada Madrasah Tarbiyah Islamiyah, Sungai Gading di sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Jangan tertipu jualan harumanis Thailand

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri mengesan terdapat segelintir peniaga cuba mengelirukan pengguna dengan menjual buah atas nama harumanis sedangkan ia bukan buah ikonik itu.

Berdasarkan tinjauan dan pemerhatian FAMA negeri bermula sejak awal tahun ini, terdapat pihak tidak bertanggungjawab dikesan menjual mangga jenis Nam Man dari Thailand namun mendakwa buah itu sebagai harumanis.

Justeru, FAMA menasihatkan pengguna agar tidak mudah tertipu dengan taktik tersebut.

Pengarah FAMA negeri, Mohd. Anzara Azizan berkata, buah dari Thailand itu dikesan dijual di gerai-gerai sepanjang laluan Lebuhraya Kuala Perlis-Changlun.

Katanya, berdasarkan pemerhatian, terdapat sekitar 20 gerai beroperasi secara aktif di sepanjang laluan itu.

"Mangga jenis Nam Man yang didakwa sebagai 'adik harumanis' ini dijual pada harga belasan ringgit sahaja untuk sekilogram bagi menarik minat pelanggan.

"Malah, julat harga ditawarkan



MOHD. Anzara Azizan (tiga dari kanan) melihat buah harumanis gred premium di Dewan Melati, pejabat FAMA negeri, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

kan itu adalah sangat tidak munasabah memandangkan harga sebenar buah harumanis bagi gred premium, satu dan dua adalah bermula antara RM27 hingga RM37 sekilogram," katanya ketika ditemui selepas taklimat pengenalan dan pemasaran mangga harumanis Perlis di Dewan Melati, pejabat FAMA negeri, semalam.

Anzara berkata, selain itu,

terdapat juga taktik penipuan dalam talian dilakukan pihak tidak bertanggungjawab dengan menawarkan harga murah bagi pembelian harumanis pada kadar RM50 untuk tiga kilogram.

Katanya, bagaimanapun, pengguna yang tertarik dengan iklan dalam talian itu akhirnya tidak mendapat buah berkenaan selepas membuat pembayaran kepada pihak terlibat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Penurunan harga tidak kurangkan beban kos

SEKINCHAN – Pesawah menyifatkan penurunan harga benih padi sah (BPS) daripada RM58 kepada RM56 bagi setiap kampakit seberat 20 kilogram (kg) di peringkat runcit tidak banyak membantu mengurangkan beban kos yang mereka tanggung.



ABDULLAH

Pesawah di Kampung Tali Air 7, Sungai Leman, Abdullah Dahalan, 54, berkata, penurunan RM2 itu hanya memberi penjimatan sekitar RM20 untuk satu lot sawah berkeluasan 1.2 hektar.

"Tanah seluas tiga ekar (1.2 hektar) memerlukan antara 160 hingga 200 kilogram benih padi, bergantung kepada saiz tapak tanaman dan kedudukan rumah di kawasan bendang.

"Kalau jimat RM20 saja, ia tak banyak membantu memandangkan input pertanian lain seperti baja, racun dan upah kerja terus meningkat," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Abdullah turut berharap kerajaan bukan sahaja menyemak semula harga BPS, malah memastikan benih yang dibekalkan kepada pesawah berkualiti.

"Kita mahu benih yang tahan penyakit, subur dan elak isu padi angin kerana jika benih tak berkualiti, hasil padi terjejas dan meningkatkan risiko kerugian," katanya.

Seorang lagi pesawah, Zainal Abidin Idris, 59, menyarankan agar harga benih padi diturunkan kerajaan di bawah RM40 bagi setiap 20kg kampakit demi keseimbangan kos dan hasil.

"Kami minta kerajaan ambil kira situasi sebenar di lapangan dan berharap harga benih padi diturunkan untuk jamin kebajikan pesawah," katanya.

Menurutnya, pendekatan menang-menang amat diperlukan bagi memastikan pesawah mampu bertahan dan terus menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Penyelarasan harga benih padi jadi khabar gembira

PASIR PUTEH - Langkah kerajaan menetapkan harga kawalan benih padi sah (BPS) kepada RM52 per kampak 20 kilogram melonjakkan lagi semangat para pesawah untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan negara pada masa hadapan mencukupi.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati rata-rata pesawah menyifatkan perkara itu sebagai khabar gembira buat mereka selepas berdepan dengan kenaikan kos input pertanian.

Wakil pesawah Abdul Hadi Abdul Rahman, 67, berkata, kenaikan harga BPS sebelum ini memberikan kesan kepada pengusaha padi dalam skala yang besar sepertinya.

"Bila harga benih padi dikawal ia menjadi rahmat buat kami. Seingat saya kali terakhir harga murah pada 2020 lalu iaitu RM35 sekampak.

"Alhamdulillah, ringan sikit beban saya dan rakan setelah berdepan dengan kenaikan kos input pertanian yang agak tinggi sebelum ini," katanya yang mengusahakan padi seluas 20 hektar di Jelor, di sini.

Ujarnya, kos untuk menghasilkan benih padi yang agak tinggi antara faktor menyebabkan harga BPS meningkat dan memberi kesan kepada pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Harga baharu lebih menguntungkan pengilang

ALOR SETAR - Kerajaan digesa menyemak semula struktur harga benih padi yang disifatkan tidak lagi selari dengan keperluan dan kebajikan pesawah.

Koordinator Gerakan Melawan Penindasan Petani (GEMPITA), Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir berkata, penetapan harga benih padi ketika ini lebih menguntungkan pihak pengilang berbanding pesawah yang bergelut dengan peningkatan kos sara hidup serta input pertanian.

Menurutnya, sebuah Jawatankuasa Pemantauan Kos Input Pesawah di peringkat nasional perlu diwujudkan dengan penglibatan wakil pesawah bagi memastikan kebajikan golongan itu terbela.

"Penetapan harga benih padi perlu selaras dan sepadan dengan kadar kenaikan harga rantai belian padi.

"Struktur harga benih padi mesti disemak agar ia berpaksikan margin keuntungan pesawah, bukan pengilang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Siputeh itu, harga benih



MOHD ASHRAF MUSTAQIM

padi yang sewajarnya ialah tidak melebihi RM43 bagi setiap 20 kilogram (kg).

"Sebagai perbandingan, ketika harga rantai belian padi RM1,200 per tan, harga benih padi ditetapkan pada RM35 bagi setiap 20 kilo (se-kampit).

"Dengan harga rantai semasa yang meningkat kepada RM1,500 per tan, harga benih padi sepatutnya ialah tidak melebihi RM43 setiap 20 kilo," jelasnya.

Mohd Ashraf Mustaqim berkata, 'budaya dasar kosmetik' dalam pentadbiran perlu dihentikan segera kerana ia sekadar menutup kegagalan dasar kerajaan yang tidak menyelesaikan masalah rakyat.

"Cukup-cukuplah memperbodohkan pesawah dengan angka kecil demi menutup kegagalan besar. Jangan sampai kerajaan ini dikenang sebagai lebih menjaga untung tauke daripada keringat orang bendang," ujarnya.

Menurutnya, apa yang dilakukan kerajaan bukannya reformasi pertanian, sebaliknya eksploitasi pesawah.

Tambah Mohd Ashraf Mustaqim, pengumuman kerajaan digambarkan seolah-olah inisiatif membela pesawah, namun jauh tersasar daripada situasi sebenar, malah tidak lebih sekadar gimik untuk menutup kegagalan kerajaan memahami keperitan pesawah.

"Selepas penarikan subsidi diesel, pesawah menanggung beban kenaikan kos pelbagai dalam proses penghasilan padi yang sehingga kini masih tidak mampu mengimbangi nilai keuntungan pesawah yang tidak seberapa.

"Harga benih padi naik 65.7 peratus (RM35 kepada RM58), tetapi harga rantai belian padi hanya naik 25 peratus (RM1,200 kepada RM1,500). Terbaharu, harga benih padi hanya turun 3.45 peratus (RM2) daripada lonjakan asal RM23," jelasnya.

Katanya, jurang keuntungan pengilang dan pemborong benih jauh lebih besar daripada margin pendapatan pesawah.

"Dengan 1 tan metrik benih padi mampu menghasilkan sekitar 50 kampak (20kg), nilai jualan benih pada harga RM56 kini cecah RM2,800 per tan berbanding harga rantai belian padi RM1,500 per tan," jelasnya.